



BORNEO AKADEMIKA (BA)

Volume 7 (1), June 2023 (40-56)

ISSN: 2462-1641

e-ISSN: 2735-2250

Journal home page:

<https://borneoakademika.sabah.uitm.edu.my>

**‘SUKARELAWAN SECARA DALAM TALIAN’ (VIRTUAL VOLUNTEERING)
DALAM KALANGAN PERTUBUHAN SUKARELA KEBAJIKAN (PSK) DI
SABAH
‘VIRTUAL VOLUNTEERING’ AMONG WELFARE VOLUNTARY
ORGANIZATIONS IN SABAH**

NURZAIMAH BINTI ASALAL^{1*}, JOEANNE LEE SOON EE² & LAWRENCE HEE QUI SHING³

¹Universiti Pendidikan Sultan Idris

^{2,3}Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah

nurzaimah@fsk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 mendatangkan satu perubahan yang besar dalam melaksanakan aktiviti sukarelawan. Halangan untuk melaksanakan aktiviti sukarelawan secara bersemuka terpaksa dihadapi oleh NGO-NGO dalam penyampaian perkhidmatan. Walau bagaimanapun, situasi ini tidak menghalang NGO-NGO dalam meneruskan penyampaian perkhidmatan mereka kepada kumpulan sasaran. NGO menyedari akan pentingnya menyampaikan perkhidmatan kepada kumpulan sasaran terutama kepada golongan warga emas, kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), wanita dan masyarakat secara umumnya. Keadaan ini menyebabkan NGO perlu mengadaptasikan ‘sukarelawan secara dalam talian’ atau dikenali sebagai Virtual Volunteering (VV) yang kini telah banyak dilaksanakan sepanjang pandemik COVID-19. Bagi negeri Sabah, kesukaran capaian internet dikawasan pedalaman tidak menjadi penghalang untuk kumpulan NGO meneruskan proses pertolongan. Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS) menjadi salah satu badan yang menyelaras serta menggalakkan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) di Sabah untuk menggunakan VV dalam menyampaikan perkhidmatan. Satu kaji selidik telah dijalankan ke atas PSK yang berdaftar dengan MPMS tentang pandangan mereka dalam menggunakan VV sepanjang pandemik COVID-19. Pengumpulan data telah menggunakan Google Form dan melibatkan sebanyak 22 PSK. Penemuan kaji selidik menunjukkan lima PSK telah berjaya mengadaptasikan ‘sukarelawan dalam talian’ dalam membantu golongan kanak-kanak dan wanita, warga emas, OKU serta masyarakat yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Kata Kunci: Sukarelawan; Virtual Volunteering; Pertubuhan Sukarela Kebajikan; NGO; MPMS

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic brought about a major change in the implementation of volunteer activities. Obstacles to implement volunteer activities face to face had to be overcome by NGOs in their delivery of services. However, this situation has not prevented NGOs from continuing to deliver their services to the target group. NGOs are aware of the importance of delivering services to target groups, especially the elderly, children, people with disabilities, women and society in general. This situation has caused NGOs to have to adapt 'online volunteering' or known as Virtual Volunteering (VV) which has now been widely implemented throughout the COVID-19 pandemic. In the state of Sabah, the difficulty of internet access in the rural areas has not caused any obstacles for NGOs to continue their service in the emergency relief process. The Sabah Community Service Council is one of the bodies that coordinates and encourages Welfare Voluntary Organizations in Sabah to use VV in delivering services. A survey was conducted on the organizations registered with Sabah Community Service Council on their views in using VV during the COVID-19 pandemic. Data collection was conducted by using Google Form, involving a total of twenty-two (22) organizations. The findings of the survey have shown that five (5) organizations have successfully adapted 'online volunteering' or VV in helping the children and women, the elderly, the disabled and communities who were affected by the COVID-19 pandemic.

Keywords: Volunteers; Virtual Volunteering; Welfare Voluntary Organizations; NGO's; MPMS

Introduction

Sukarelawan secara dalam talian atau dikenali sebagai *Virtual Volunteering* (VV) merupakan istilah yang digunapakai oleh kerja sukarelawan dalam melaksanakan tugas sama ada secara keseluruhan atau hanya sebahagian, yang tidak memerlukan penglibatan kerja sukarela secara fizikal. Biasanya ianya menggunakan internet dan komputer, tablet, telefon pintar atau peranti bersambung-internet yang lain. VV juga dikenali sebagai sukarelawan dalam talian, sukarelawan digital, e-sukarelawan dan perkhidmatan siber, dan termasuk *mikrovolunteering*, *crowdsourcing*, *telementoring*, *teletutoring*, mentor dalam talian, perkhidmatan media internet, dan pelbagai aktiviti dalam talian lain yang dijalankan oleh sukarelawan. Sukarelawan dalam talian boleh dirujuk sebagai sukarelawan dalam talian atau pendigitalan. Namun begitu, aktiviti sukarelawan ini tidak bermakna tiada penglibatan secara langsung daripada sukarelawan. Aktiviti VV masih memerlukan anggota atau ahli sukarelawan terlibat secara fizikal tetapi melaksanakan atau menyampaikan perkhidmatannya menerusi pendigitalan. Situasi ini bermaksud ahli persatuan perlu mahir menggunakan teknologi agar mereka dapat mengaplikasikan dalam proses pertolongan dan menyampaikan perkhidmatan yang efektif (Fuze Ecoteer Outdoor Adventures, 2021). Berdasarkan penerangan tentang VV ini, dapat disimpulkan kaedah ini penting kepada kerja sukarelawan untuk dilaksanakan sejak bermulanya pandemik COVID-19 kerana aktiviti bersemuka dapat dikurangkan dan dapat mengurangkan risiko jangkitan ke atas kumpulan sasar mahupun organisasi. Walaupun kini seluruh dunia hampir mengakhiri pandemik COVID-19 tetapi pelaksanaan secara dalam talian masih digalakkan dan dianggap masih perlu dilaksanakan kerana ianya lebih memudahkan ahli sukarelawan menyampaikan perkhidmatan secara langsung kepada kumpulan sasar.

Aktiviti sukarelawan sememangnya dalam pandangan yang baharu setelah pandemik COVID-19 ini. Banyak Non-Governmental Organization (NGO) yang mempunyai kepakaran dalam informasi teknologi telah mewujudkan kaedah baharu dalam membantu kumpulan sasaran. Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran yang bakal dihadapi mengikut budaya, kemahiran, lokasi dan persekitaran. Bagi negeri Sabah, salah satu cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan adalah lokasi atau banyak daerah yang perlu dilibatkan dalam membantu kumpulan sasaran. Negeri Sabah mempunyai keluasan 73 609 square km sememangnya mendatangkan cabaran untuk ahli sukarelawan dalam menyampaikan perkhidmatan mereka kepada kumpulan sasaran (Jabatan Tanah dan Ukur, Sabah). Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS) merupakan salah satu majlis yang bekerja secara bekerjasama dan membantu organisasi bukan kerajaan atau NGO yang berdaftar agar pertubuhan ini dapat menggerakkan proses pertolongan dan kesejahteraan masyarakat boleh tercapai. Ahli NGO yang berdaftar dengan MPMS dikenali sebagai Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK). Ahli yang berdaftar dengan pihak MPMS akan mendapat bantuan dana seperti permohonan oleh tiap-tiap PSK. Keprihatinan pihak MPMS dalam memberikan dana dan sokongan kepada ahlinya, menyebabkan PSK di Sabah tetap aktif dalam memberi pertolongan dan menyediakan aktiviti yang perlu memfokuskan kepada kumpulan sasaran. Artikel ini akan menghuraikan pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh PSK di negeri Sabah dalam membantu kumpulan sasaran pertubuhan masing-masing dan kesan COVID-19 dalam penyampaian perkhidmatan mereka di Sabah.

Sorotan Literature

Definisi Sukarelawan dan Sukarelawan Dalam Talian atau Virtual Volunteering

Aspek kesukarelawan kini dilihat begitu penting peranannya. Sejak zaman sebelum kemerdekaan lagi, aktiviti sukarela telah diamalkan dalam masyarakat. Salah satu aktiviti yang penting dahulu adalah kenduri kendara, amalan bergotong royong yang kebanyakan masyarakat saling membantu tanpa mengharapkan bayaran atau balasan. Azizan (2007) menganggap aktiviti sukarela sememangnya sinonim dengan aktiviti tersebut dalam masyarakat sejak dahulu kerana menganggap individu yang terlibat adalah mereka yang membantu tanpa mengharapkan apa-apa balasan dan mempunyai matlamat yang sama. Selalunya, aktiviti sukarelawan sering dianggap sebagai bantuan berbentuk kewangan dan makanan, namun kini pandangan ini telah berubah apabila banyak pertubuhan atau persatuan aktiviti sukarelawan telah berjaya membantu kumpulan sasaran bukan sahaja dari segi kebajikan tetapi juga untuk mendapatkan latihan dan kemahiran (Azimi dan Turiman, 1994 dalam Azizan, 2011). Osborne (1998) merujuk sukarelawan sebagai prinsip atau teori sistem atau penyusunan masyarakat yang berteraskan tindakan sukarela dan perhubungan sukarela. Manakala Van til (1987) menganggap aktiviti sukarela sebagai suatu nilai penyertaan yang memperkasakan individu, disamping dapat memperbaiki persekitaran dalam masyarakat.

Azizan (2018) serta Meijs dan Brudney (2014) menyatakan terdapat dua jenis kerja sukarela iaitu kerja sukarela tradisional dan kerja sukarela episodik. Kerja sukarela tradisional bermaksud kegiatan sukarela yang dilakukan secara berterusan dan berjadual manakala kerja sosial episodik adalah dilakukan tidak berjadual dan tanpa komitmen yang panjang. Situasi menunjukkan kerja sukarela boleh dilaksanakan dalam jangka masa pendek mahupun panjang. Biasanya pertubuhan atau organisasi akan melaksanakan sesuatu program melibatkan jangka panjang berbanding individu. Seiring dengan kemajuan teknologi, Azizan (2018) menyatakan kini aktiviti sukarelawan boleh dilaksanakan secara dalam talian atau VV. Antara khidmat sukarela yang digariskan adalah seperti khidmat nasihat, bimbingan,

mentoring, sokongan dan dorongan, bantuan dalam penulisan dan perkhidmatan yang boleh disampaikan menerusi digital.

Jayne dan Susan (2014) mendefinisikan VV sebagai aktiviti yang dilakukan secara langsung oleh sukarelawan dengan menggunakan teknologi pendigitalan. Walaupun aktiviti ini dilaksanakan secara maya, namun sukarelawan masih perlu terlibat secara fizikal untuk mengendalikannya. Antara aktiviti yang dapat dilaksanakan adalah seperti menterjemah dokumen, menyediakan *database* atau *software* yang dapat menghubungkan antara sukarelawan dengan kumpulan sasar, penyediaan penasihat tentang kesihatan, undang-undang, perkhidmatan sumber manusia dan lain-lain, menjadi tutor, moderator dan *visit virtual*, menggunakan aplikasi media sosial serta blog yang boleh dilaksanakan oleh sukarelawan. Mukherjee (2010) turut mendefinisikan VV sebagai penggunaan internet dalam aktiviti sukarelawan. Aktiviti sukarelawan boleh dilaksanakan secara dalam talian dan akan memudahkan proses dilakukan dengan lebih pantas. Kemajuan teknologi dan pendigitalan di barat menyebabkan sukarelawan secara dalam talian lebih mudah untuk dilaksanakan menerusi aplikasi-aplikasi yang dibina oleh sukarelawan sendiri. Mukherjee (2011) juga menyatakan sukarelawan secara talian membolehkan sukarelawan melaksanakan proses bantuan dengan hanya berada di rumah dan sesuatu lokasi tanpa perlu berhadapan secara langsung dengan klien. Situasi ini akan mengurangkan kos melibatkan pengangkutan dan perjalanan dan bantuan dapat disampaikan dengan waktu yang pantas.

Impak Sukarelawan Dalam Talian

Mukherjee (2011) menyatakan penggunaan internet yang lebih pantas sememangnya akan memberi kesan yang baik kepada aktiviti-aktiviti sukarelawan. Kemajuan dalam penggunaan aplikasi akan lebih memudahkan proses penyampaian maklumat dan bantuan lebih pantas dan efektif. Walau bagaimanapun, ianya masih mendatangkan keterbatasan apabila melibatkan golongan tertentu seperti warga emas, kanak-kanak, OKU serta golongan yang tinggal di kawasan pedalaman dan tiada akses kepada internet. Walau bagaimanapun, pertubuhan sukarela dan organisasi tetap melaksanakan sukarelawan secara dalam talian ketika pandemik COVID-19. Situasi ini memerlukan kemahiran-kemahiran yang ada pada setiap pertubuhan untuk melaksanakan setiap program dan khidmat secara dalam talian.

Kajian Liu et al. (2016) menunjukkan golongan remaja dan berpendidikan lebih mudah untuk mengadaptasi VV dalam melaksanakan aktiviti sukarelawan. Golongan remaja dan berpendidikan lebih cepat menerima dan memahami setiap proses-proses yang perlu dilakukan. Mereka lebih kreatif dengan menyediakan aplikasi-aplikasi yang memudahkan klien untuk mencapai proses bantuan. Setelah pandemic COVID-19 ini, kebanyakan pertubuhan sukarela terpaksa melaksanakannya secara dalam talian. Labianca (2020) menyatakan sebanyak 48 peratus sukarelawan merasakan pandemik COVID-19 mendatangkan impak kepada NGO untuk menyampaikan perkhidmatan. Hanya sebanyak 5 peratus NGO yang menyampaikan perkhidmatan secara dalam talian sepanjang tempoh tersebut. Manakala Singapore National Council of Social Services, mendapati 81 peratus kerja sukarelawan telah dilaksanakan secara digital atau dalam talian. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 50 peratus menyatakan impak penggunaan digital adalah dilihat sebagai impak yang positif untuk dilaksanakan sepanjang pandemik COVID-19. Manakala 56 peratus pula menyatakan aktiviti VV perlu diteruskan walaupun pandemik COVID-19 telah berakhir (Singapore National Council of Social Services,

2021). Bagi Negara barat, hampir 87 peratus NGO telah mengaplikasikan VV bagi memudahkan mereka untuk menyampaikan perkhidmatan.

Ketika seluruh dunia menghadapi kesukaran untuk berhadapan dengan pandemik COVID-19, United Nations Children's Fund (UNICEF) turut menggalakkan aktiviti kesukarelawan perlu menggunakan pelbagai kaedah dalam menyampaikan perkhidmatan mereka. Kesedaran UNICEF tentang kepentingan aktiviti kesukarelawan dalam membantu masyarakat untuk menghadapi pandemik COVID-19 menyebabkan aktiviti-aktiviti kesukarelawan menggunakan cara dan tindakan yang baharu dan mudah untuk diaplikasikan (UNICEF, 2020). Erik (2021) telah menulis satu artikel tentang kesan daripada pandemik COVID-19 memerlukan aktiviti dijalankan secara dalam talian yang dikenali sebagai VV. Negara barat kini dilihat sangat aktif dalam menggunakan VV dalam program kesukarelawan terutama negara Eropah yang sememang masyarakatnya mempunyai kemajuan dari segi teknologi dan penggunaan internet. Walau bagaimanapun, dalam penulisan Erik (2020), Liu et al. (2016), dan Mukherjee (2011) masih terdapat cabaran untuk menggunakan VV dalam aktiviti kesukarelawan seperti pengurusan masa, penglibatan, perhubungan dan pengekaln dalam menyampaikan perkhidmatan.

Namun begitu, pada era pemodenan dan pendigitalan kini, pertubuhan sukarela atau NGO perlu mahir menggunakan aplikasi-aplikasi yang dapat menggalakan kumpulan sasar dapat dihubungkan dengan perkhidmatan yang sepatutnya (Stephanie & Mahtani, 2020). Antara aplikasi dalam talian yang sering digunakan seperti penggunaan telefon, ZOOM Meeting, Facebook, Whatsapp Video dan pelbagai aplikasi yang boleh digunakan untuk menghubungkan sesebuah organisasi atau NGO kepada kumpulan sasar. Menyedari tentang situasi pandemik COVID-19 yang menghalang pertemuan secara fizikal antara sukarelawan dan kumpulan sasar, VV sering digunakan sama ada di barat mahupun di Malaysia.

Latar Belakang Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS)

Perkhidmatan kebajikan telah wujud sejak sebelum kemerdekaan lagi sama ada di Tanah Malaya mahupun bagi negeri Sabah sendiri. Fuziah (2010) menyatakan perkhidmatan kebajikan telah wujud sejak tahun 1911 oleh Jabatan Buruh dan dilaksanakan oleh orang perseorangan dan badan-badan sukarela di Tanah Malaya. Situasi ini menunjukkan peranan badan-badan sukarela dalam memenuhi kebajikan masyarakat telah lama dilaksanakan. Bagi negeri Sabah, pada tahun 1954, Majlis Kebajikan Sosial telah ditubuhkan untuk memberi nasihat berkenaan kebajikan sosial dan pembangunan sosial serta menggalakkan peranan pertubuhan sukarela kebajikan (PSK). Setelah kemerdekaan, pada tahun 1965, majlis ini dikenali sebagai Majlis Kebajikan Masyarakat Sabah bersama Majlis Kebajikan Sosial Sarawak dan The Malayan Social Welfare Council telah bergabung membentuk ahli gabungan Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan Malaysia. Peranan majlis terus berkembang apabila pada tahun 1968, Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS) ditubuhkan semula di bawah Kertas Kabinet 145/67 bertarikh 9 Mei 1968. Kemudian Majlis ini dibentuk semula menurut kuasa Enakmen Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah 1997 yang berkuat kuasa pada 1 Mac 1998 dan terus bergiat aktif menjadi sebuah Badan Berkanun Negeri Sabah (Hee & Lee, 2004). Sehingga kini, sebanyak lapan fungsi atau objektif utama MPMS ditubuhkan iaitu:

a) Menyelaras aktiviti-aktiviti kebajikan sukarela dalam Negeri;

- b) Mengekalkan dan meningkatkan standard kerja-kerja kebajikan sukarela dan menggalakkan usaha-usaha kebajikan sukarela dalam lapangan yang tidak meliputi sepenuhnya oleh kerajaan Negeri;
- c) Membantu organisasi ahli dengan sumbangan untuk menggalakkan aktiviti aktiviti kebajikan sukarela dalam Negeri;
- d) Memulakan relif dan skim atau perkhidmatan sosial sebagaimana disifatkan perlu oleh Majlis;
- e) Mendapat, menerima, mentadbir dan mengagihkan wang dan barang-barang yang diamanahkan kepada Majlis;
- f) Menyebarkan maklumat kepada, dan menarik minat anggota masyarakat dalam semua cara yang boleh dalam perkara-perkara kebajikan sosial dan menggalakkan penglibatan dalamnya;
- g) Membuat apa-apa syor kepada Kerajaan Negeri sebagaimana Majlis fikirkan sesuai atas perkara-perkara berhubung dengan perundangan dalam lapangan kebajikan sosial atau bagi memajukan tujuan Majlis; dan
- h) Menubuhkan dan mengurus Ibu Pejabat Majlis, Pusat Perkhidmatan Sosial dan Institusi-Institusi Kebajikan dalam Negeri.

Antara Misi MPMS pula adalah:

- a) Menggembeng dan menggalakkan pertumbuhan badan-badan sukarela kebajikan di Sabah untuk menangani isu-isu pembangunan sosial;
- b) Mencapai kecemerlangan dalam kerja sosial menerusi dasar-dasar sosial, perancangan, pendidikan dan latihan yang koheran serta menyediakan perkhidmatan yang unggul.
- c) Bekerja secara berkongsi dengan sektor awam, sektor swasta dan masyarakat umum.

Manakala Visi MPMS pula adalah:

- a) Mempertingkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia, terutamanya golongan yang kurang kemampuan.
- b) Mewujudkan persekitaran yang harmoni dan penyayang supaya individu hidup dalam keadaan sihat, produktif, berdikari dan bebas selaras dengan hak dan tanggungjawab masing-masing.

(Sumber: Laman Web MPMS, 2021)

Berdasarkan objektif, misi dan visi MPMS memperlihatkan peranan yang jelas tentang MPMS untuk membantu ahli-ahlinya agar lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran agar mencapai kesejahteraan masyarakat khususnya di Sabah. Jadual 1.1 merupakan ahli PSK yang berdaftar dengan MPMS.

Jadual 1: Senarai Organisasi yang Berdaftar dengan MPMS

No	Nama Persatuan	Tahun Penubuhan
1	Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia Negeri Sabah	1948
2	Persatuan Pencegah Batuk Kering Sabah (SABATA)	1952

Jadual 1: Senarai Organisasi yang Berdaftar dengan MPMS

No	Nama Persatuan	Tahun Penubuhan
3	St. John Ambulans Malaysia, Negeri Sabah	1957
4	Pertubuhan Bagi Orang-Orang Buta Sabah	1966
5	Persatuan Perancang Keluarga Sabah	1967
6	Persatuan Rumah dan Perkhidmatan Cheshire Sabah (Cheshire)	1974
7	Persatuan Bagi Orang-Orang Pekak Sabah	1975
8	Persatuan Tabung Pesakit Jantung Sabah (SOSHF)	1981
9	Diabetes Malaysia Cawangan Negeri Sabah	1983
10	Persatuan Sukarelawan Kanser Sabah	1983
11	Kumpulan Daya-Tindakan Wanita Sabah (SAWO)	1985
12	Persatuan Perkhidmatan TASKA Sabah	1991
13	Persatuan Thalassaemia Sabah	1994
14	Persatuan Buah Pinggang Sabah	1994
15	Persatuan CHILD Sabah	1995
16	Persatuan Pemulihan Kusta Malaysia, Cawangan Negeri Sabah	1996
17	Persatuan Pesara Kerajaan Negeri Sabah	1998
18	Majlis Persatuan Wargatua Sabah	1999
19	Persatuan Ibu Tunggal Sabah	2000
20	Persatuan Sukarelawan Sabah (SAVE)	2001
21	Persatuan Kesihatan Jiwa Sabah (Baru)	2008
22	Sabah Alzheimer's Disease Support Association	2014

(Sumber: Laman Web MPMS, 2021)

Program-Program MPMS

Terdapat tujuh program MPMS dan melibatkan 22 ahlinya iaitu PSK yang berdaftar dengan MPMS.

a) Program Penjagaan OKU

Program Penjagaan Orang Kurang Upaya memfokuskan kepada perkhidmatan penjagaan dan memelihara hak-hak golongan OKU. Program penjagaan adalah melibatkan aktiviti membantu golongan OKU agar dapat mengurus penjagaan diri, bekerjasama dengan golongan OKU untuk membantu mereka berdikari dan hidup dengan bermaruah. Terdapat dua PSK yang berdaftar dengan MPMS dibawah program Penjagaan OKU iaitu Persatuan Rumah dan Perkhidmatan Cheshire Sabah (Cheshire) dan Persatuan Kesihatan Jiwa Sabah. Kumpulan sasar pertubuhan tersebut adalah OKU yang berdaftar dengan persatuan dan pesakit mental.

b) Program Pemerksaan OKU

Program Pemerksaan OKU pula adalah memberi latihan kemahiran dan pengupayaan OKU. Program Pemerksaan biasanya menggalakkan golongan OKU untuk mampu berdikari dengan memberikan pengetahuan dan kemahiran. Bagi tujuan ini, pihak MPMS sememangnya menyediakan dana yang besar untuk memastikan Program Pemerksaan OKU ini mencapai matlamat perkembangan kanak-kanak OKU melalui program intervensi dan pendidikan awal kanak-kanak dan pengupayaan OKU untuk mendapat pekerjaan, mempelajari kemahiran kehidupan dan mencapai inklusiviti dalam masyarakat. PSK yang berdaftar dengan MPMS akan memberi

latihan khusus dan memastikan individu yang mahir untuk membantu golongan OKU untuk mandiri.

Terdapat empat ahli PSK yang berdaftar dengan MPMS untuk Program Pemerkasaan OKU iaitu Cheshire, Persatuan Bagi Orang-Orang Pekak, Pertubuhan Bagi Orang-Orang Buta dan Persatuan CHILD Sabah. Aktiviti yang terlibat termasuklah pendidikan awal kanak-kanak di Tadika khas untuk OKU Pendengaran dan Pusat Pembelajaran Awal Kota Marudu, bengkel terlindung seperti Puzzle Print Sheltered Workshops, Cheshire Laundrette, Wallace Sheltered Workshop, Deaf Bakery dan Pusat Latihan Kemahiran Bagi Orang Buta, Kompleks Penyayang Taman Cahaya Sandakan serta Latihan Kemahiran Bersijil – Pembuatan Pastro dan Pengemasan Bilik Hotel (Housekeeping).

c) Program Bantuan Kebajikan dan Perkhidmatan Sosial

Program Bantuan Kebajikan dan Perkhidmatan Sosial turut menjadi fokus kepada MPMS. Selaras dengan objektif penubuhan MPMS untuk memastikan kebajikan dan perkhidmatan sosial yang baik untuk kumpulan sasaran. Bagi tujuan ini, MPMS telah menyalurkan dana kepada empat ahlinya iaitu Persatuan Tabung Pesakit Jantung Sabah (SOSHF), Kumpulan Daya-Tindakan Wanita Sabah (SAWO), Persatuan Buah Pinggang Sabah dan Persatuan Perancang Keluarga Sabah. Perkhidmatan ini telah memanfaatkan kumpulan sasaran untuk mendapatkan bantuan kebajikan dan sokongan sosial yang lebih baik.

d) Program Kesukarelawanan dan Pembangunan Komuniti

Program Kesukarelawanan dan Pembangunan Komuniti pula memfokuskan kepada sukarelawan dan komuniti. MPMS turut menyediakan dana yang besar bagi program ini. MPMS telah berjaya membantu sukarelawan dengan pemberian dana untuk menjalankan program mereka kepada komuniti. Salah satu PSK yang aktif menerusi program ini adalah Bulan Sabit Merah Malaysia Cawangan Sabah (BSMM Sabah) merupakan salah satu ahli MPMS yang bertanggungjawab membangunkan program. Antaranya adalah bantuan bencana, kempen derma darah, program latihan dan program komuniti yang melibatkan aspek kesihatan dan pendidikan.

e) Program Pembangunan Kapasiti

Program Pembangunan Kapasiti pula adalah penyediaan seminar dan latihan bagi meningkatkan kapasiti sumber manusia. Bagi tujuan ini MPMS telah menyalurkan dana kepada dua ahlinya iaitu Persatuan Perkhidmatan TASKA Sabah (TASKA) yang memfokuskan kepada golongan pengasuh dan Persatuan Perancang Keluarga Sabah pula memfokuskan kepada jururawat. Seminar dan latihan yang diadakan dipercayai akan meningkatkan lagi pengetahuan kedua-dua golongan ini untuk memastikan penyediaan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan terjamin.

f) Program Kesedaran dan Pencegahan

Program Kesedaran dan Pencegahan adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat dan informasi kepada masyarakat tentang sesuatu isu dan bermatlamat untuk mencegah isu sosial semasa. Oleh itu, MPMS telah melibatkan empat ahlinya iaitu Persatuan Sukarelawan Kanser Sabah, Persatuan Pemulihan Kusta Malaysia Cawangan Negeri Sabah, Diabetes Malaysia Cawangan Negeri Sabah dan Persatuan Perancang Keluarga Sabah. Peranan persatuan ini adalah mengadakan seminar, webinar, ceramah, forum dan kem kesihatan untuk menyampaikan maklumat yang

tepat kepada masyarakat dan bertujuan meningkatkan kesedaran bagi pencegahan penyakit yang boleh menimbulkan masalah sosial.

g) Program Penuaan Sihat dan Aktif

Salah satu kumpulan sasar yang menjadi fokus utama MPMS adalah warga emas. Antara ahli MPMS yang terlibat dalam program ini adalah Majlis Persatuan Warga Tua Sabah (COSCA), Persatuan Warga Emas Sabah, Persatuan Warga Tua (pelbagai daerah seperti Tenom, Keningau, Penampang, Kudat dan Matunggong), Persatuan Kecergasan dan Pembangunan Orang Tua Kota Kinabalu, Persatuan Warga Emas Kg Muhibbah Ranau dan Persatuan PESARA Negeri Sabah. Program ini telah melibatkan warga emas dengan lebih aktif dan produktif.

(Sumber: Laporan Bantuan Kewangam MPMS Tahun 2020 dan 2021)

Kaedah Pengumpulan Maklumat

Artikel ini telah mendapatkan data menerusi kaji selidik yang dilaksanakan menerusi pengedaran Google Form kepada PSK yang berdaftar dengan MPMS. Sebanyak 22 telah terlibat dalam pengisian kaji selidik tersebut (Jadual 1.1). Walau bagaimanapun, hanya sebilangan kecil sahaja PSK yang sesuai untuk dilibatkan dalam kaji selidik ini. PSK yang terlibat adalah mereka yang menggunakan VV dalam menyampaikan perkhidmatan mereka. Manakala PSK yang tidak menggunakan aplikasi digital tidak dapat dilibatkan dalam kaji selidik ini. Maklumat dalam Google Form tersebut adalah laporan daripada aktiviti yang telah dilaksanakan oleh beberapa PSK sepanjang pandemic pada tahun 2020 hingga 2021.

Maklumat Google Form

Antara maklumat yang terdapat dalam google form adalah nama persatuan, alamat perhubungan, kaedah pelaksanaan penyampaian perkhidmatan sepanjang pandemik dan kekangan yang dihadapi oleh PSK dalam menyampaikan perkhidmatan tersebut.

Pendekatan PSK Di Sabah Dalam Menyampaikan Perkhidmatan Secara Dalam Talian Atau VV

Bagi negeri Sabah, kekangan utama untuk menggunakan VV dalam aktiviti sukarelawan adalah ketiadaan akses internet di beberapa kawasan pedalaman Sabah. Halina, Odetta dan Junaidah (2021) menyatakan berdasarkan statistik, negeri Sabah adalah negeri paling rendah kadar ketembusan jalur lebar mudah alih di Malaysia. Ketidakefektifan internet ini menyebabkan kesukaran pelbagai pihak untuk melaksanakan program atau aktiviti secara dalam talian. Walau bagaimanapun, PSK yang berdaftar dengan MPMS masih berusaha untuk memperbanyakkan program dan aktiviti secara dalam talian. Satu kaji selidik telah dilakukan oleh pihak MPMS untuk mengenal pasti PSK yang menggunakan VV sepanjang tempoh pandemik COVID-19. Berdasarkan kaji selidik yang dilakukan menerusi pengedaran *Google Form* kepada PSK mendapati sebanyak lima PSK yang berdaftar dengan MPMS berjaya mengadaptasi VV dalam menyampaikan perkhidmatan mereka (Jadual 1.2). Antaranya ialah Persatuan Sukarelawan Sabah (SAVE), Persatuan CHILD Sabah, Persatuan

Tabung Pesakit Jantung Sabah (SOSHF), Persatuan TASKA Sabah dan Kumpulan Daya-Tindakan Wanita Sabah (SAWO). Situasi ini menunjukkan PSK di Sabah berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan mereka walaupun dengan mengadaptasi kaedah baharu iaitu secara dalam talian.

Jadual 1.2 Program yang tertangguh sepanjang pandemik COVID-19 dan program yang dilaksanakan pada Fasa Pemulihan oleh Ahli-Ahli MPMS

Bil	Nama Persatuan	Senarai Program/Aktiviti yang belum dijalankan pada tahun 2020 disebabkan Pandemik Covid-19	Senarai Program yang dijalankan semasa pelan pemulihan
1	Persatuan Sukarelawan Sabah [SAVE]	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Seminar on Youth and Volunteerism to schools</i> 2. <i>Charity Visits</i> 	<i>To recruit volunteers and to build network/partnership with others</i>
2	Persatuan Buah Pinggang Sabah	Forum Kesedaran dan Pencegahan Penyakit Buah Pinggang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Unit hemodialysis hanya mengendalikan pesakit yang berstatus hepatitis negative sahaja. 2. Rawatan hemodialysis untuk pesakit COVID-19 positive diasingkan.
3	Diabetes Malaysia Cawangan Negeri Sabah	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Annual Diabetes Camp</i> 2. <i>Celebration of World Diabetes Day 2020</i> 	Program saringan kesihatan seperti BMI, tekanan darah dan pemeriksaan paras gula. Memberi kaunseling selepas saringan kesihatan.
4	Pertubuhan Bagi Orang-Orang Buta Sabah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sambutan hari keluarga OKU penglihatan. 2. Pertandingan nyayian oleh OKU penglihatan. 	Ceramah kebersihan, kesihatan dan penerangan vaksin COVID-19, menerima lawatan ke Pusat, pengagihan Bakul Makanan dan membuka pusat Refleksologi dengan mengikuti SOP yang ditetapkan untuk mendapatkan pendapatan.
5	Persatuan Perancang Keluarga Sabah	Kursus Kontraseptif Asas, Seminar untuk Para Pembantu Perubatan Estet dan Jururawat, Ceramah-ceramah Pencegahan Kesihatan, Aktiviti Jangkauan Kanak-Kanak, Ceramah-ceramah Pendidikan Kehidupan Keluarga di Sekolah-sekolah, Acara Kesedaran (Larian, zumba), Hari Terbuka, dan sebagainya.	Aktiviti Jangkauan: Memberi Perkhidmatan Perancang Keluarga bagi Golongan Kaum Wanita yang Kurang Berkemampuan, Program Ujian Pemeriksaan Darah, Projek Bantuan Remaja COVID-19 (Pembuatan alat perlengkapan PPE), Program Bantuan COVID-19 Pelan Tindakan dan Kesediaan Strategik (untuk golongan Bukan Warganegara)
6	Persatuan Tabung Pesakit Jantung Sabah (SOSHF)	<i>Fund Raising Campaign, Awareness Run and Kota Kinabalu Heart Week</i>	<i>Sending patients to Kuala Lumpur for heart surgery, visit patients, Open Day, SOSHF 40th Anniversary Celebration and Fundraising Campaign.</i>

Jadual 1.2 Program yang tertangguh sepanjang pandemik COVID-19 dan program yang dilaksanakan pada Fasa Pemulihan oleh Ahli-Ahli MPMS

Bil	Nama Persatuan	Senarai Program/Aktiviti yang belum dijalankan pada tahun 2020 disebabkan Pandemik Covid-19	Senarai Program yang dijalankan semasa pelan pemulihan
7	Persatuan Perkhidmatan TASKA Sabah	Kursus First Aid & Cardiopulmonary resuscitation (CPR)	Hari Taska dan Hari Pengasuh
8	Kumpulan Daya-Tindakan Wanita Sabah (SAWO)	Tiada	<i>Helpline service, assist underprivileged clients to apply food aid, Online awareness campaign, and workshop.</i>
9	Persatuan Sukarelawan Kanser Sabah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Program kesedaran Kanser di Lembaga Tabun Getah, Tuaran 2. Dewan Masyarakat Tambunan 3. Balairaya Kg Liawan Ulu Keningau 4. Dewan Masyarakat Ranau 	Program Kesedaran secara fizikal
10	Bulan Sabit Merah Malaysia Cawangan Sabah (BSMM Sabah)	Latihan persijilan kepada ahli-ahli	Program Vaksinasi Outreach bersama Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Bantuan Bakul Makanan, Program Derma Darah
11	Persatuan Rumah dan Perkhidmatan Cheshire Sabah (Cheshire)	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mesyuarat bersemuka bersama kumpulan sokongan ibubapa (parents support group). 2. Aktiviti komuniti seperti hari keluarga, gotong-royong, majlis perayaan bersama keluarga 3. Lawatan ke rumah klien 4. Lawatan keluarga, pelawat dan keluarga ke institusi 5. Aktiviti kutipan derma 6. Kelas latihan skil 7. Aktiviti luar untuk penghuni 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mesyuarat bersemuka 2. Lawatan ke rumah untuk klien 3. Lawatan keluarga ke institusi 4. Kelas latihan skil 5. Latihan kakitangan secara bersemuka <p>Nota: Semua aktiviti akan dilaksanakan mengikut Standard Operating Procedures (SOP) yang ketat</p>
12	Persatuan Sabah	CHILD <i>Physical early intervention activities for children with disabilities at Kota Marudu Learning Centre. Physical activities for adults with disabilities at Puzzle Prints for Art program</i>	<i>Telehealth services for children with disabilities in Kota Marudu, Kota Belud, Kudat and Pitas. Program is done via WhatsApp video/call and Zoom platform. Telehealth services include therapy for children and parent training</i>

Jadual 1.2 Program yang tertangguh sepanjang pandemik COVID-19 dan program yang dilaksanakan pada Fasa Pemulihan oleh Ahli-Ahli MPMS


Bil	Nama Persatuan	Senarai Program/Aktiviti yang belum dijalankan pada tahun 2020 disebabkan Pandemik Covid-19	Senarai Program yang dijalankan semasa pelan pemulihan
12	Persatuan CHILD Sabah		<p>2) <i>Telehealth services for young adults who have disabilities under CHILDSabah Puzzle Prints for Art program. This include meeting up once a week and having discussions, listening to music and physical exercises.</i></p> <p><i>Note: Activity No.1 and 2 (as above) with the intention to introduce hybrid activities in the first part of recovery.</i></p>
13	Sabah Alzheimer's Disease Support Association	<i>End of the year gathering</i>	<i>Commencement of Sabah Az quarterly online newsletter which started to publish since 3/2021. So far two issues had been published and distributed to members group (the last one was published in November 2021).</i>
14	Persatuan Kesihatan Jiwa Sabah [Baru]	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Seminar</i> 2. <i>World Mental Health Day</i> 3. <i>Self-Empowerment Activities</i> 	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Resume operation of KK Day Care Centre and Tawau Activity Centre</i> 2. <i>Outings</i> 3. <i>Family Support Activities</i>
15	Persatuan Pencegah Batuk Kering Sabah (SABATA)	Ceramah kesihatan penyakit Tibi di seluruh negeri Sabah. Sebanyak 36 sesi yang dirancang di sekolah-sekolah dan kawasan <i>hotspot</i> Tibi.	Ceramah kesihatan paru paru secara maya khas untuk ahli SABATA dan staf KKM yang bertugas di unit Tibi
16	Persatuan Pemulihan Kusta Malaysia, Cawangan Sabah	<i>Actually activities lessen during Movement Control Order but resumed in October 2021 with family days and distributed baskets food.</i>	<i>Performing medical camp at rural area, detecting case, giving medicine, allowance, food, and educating kg folk to upgrade their living.</i>
17	Persatuan Thalassaemia Sabah	Kem kerohanian, bengkel kesedaran talasemia dan bengkelmemperkasakan kemahiran dan peranan ibubapa keluarga talasemia	Kempen menderma Darah, Sambutan Hari Talasemia Sedunia, dan webinar.

Jadual 1.2 Program yang tertangguh sepanjang pandemik COVID-19 dan program yang dilaksanakan pada Fasa Pemulihan oleh Ahli-Ahli MPMS

Bil	Nama Persatuan	Senarai Program/Aktiviti yang belum dijalankan pada tahun 2020 disebabkan Pandemik Covid-19	Senarai Program yang dijalankan semasa pelan pemulihan
18	Persatuan Ibu Tunggal Sabah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kursus Memproses makanan 2. Kursus Pembungkusan 	Tidak sempat dilaksanakan kerana kekurangan sumber kewangan
19	Persatuan Bagi Orang-Orang Pekak Sabah	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Festive Goodwill Visit to Deaf Schools/Institution</i> 2. <i>Family Support Group</i> 3. <i>Visitation and Fellowship</i> 4. <i>International Deaf Day & International Day of Sign Languages</i> 5. <i>Educational Field Trip</i> 6. <i>Fundraising Charity Event</i> 7. <i>Exhibition</i> 	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Early Childhood Education Programmes</i> 2. <i>Economic Empowerment Program – Bakery</i> 3. <i>Malaysian Sign Language Class</i> 4. <i>Food Aid Assistance</i>

a) Aplikasi ZOOM Meeting

Salah satu aplikasi yang sering digunakan oleh NGO sepanjang pandemik COVID-19 adalah aplikasi ZOOM Meeting. Volunteer Canada (2020) dan Stephani & Mahtani (2020) menyatakan aplikasi ZOOM Meeting merupakan aplikasi yang memudahkan sukarelawan untuk bersemuka dengan klien secara maya. Walaupun sukarelawan tidak dapat memberi perkhidmatan secara fizikal, namun aplikasi ZOOM Meeting masih membolehkan sukarelawan memastikan persekitaran dan keadaan klien dalam keadaan baik. Menyedari kepentingan ini, PSK yang mengadaptasi VV sepanjang pandemik COVID-19 adalah SAVE. Persatuan ini menggunakan platform secara dalam talian untuk pengambilan ahli sukarelawan yang baharu serta membina jaringan dengan yang lain. Keadaan ini sesuatu yang baik bagi sesebuah PSK iaitu dapat menjimatkan kos. Penggunaan ZOOM Meeting atau aplikasi dalam talian lain membolehkan PSK mengambil ahli baru secara dalam talian dan dapat dilaksanakan tanpa memerlukan individu untuk melakukan perjalanan. Aplikasi ZOOM Meeting dilihat begitu penting untuk menghubungkan PSK dengan klien mahupun organisasi lain. Keadaan ini sama dengan Persatuan Perancang Keluarga Sabah yang turut mengambil peluang untuk mendapatkan kerjasama dengan agensi lain dalam pelaksanaan program. Persatuan ini turut mengadakan perbincangan atau mesyuarat secara dalam talian menerusi aplikasi ZOOM. Persatuan CHILD Sabah pula mengadakan Program Latihan Terapi Telehealth Services dengan menggunakan aplikasi ZOOM Meeting dan panggilan video call Whatsapp untuk membantu ibubapa dan kanak-kanak masalah pembelajaran di Kota Marudu, Pitas, Kudat dan Kota Belud. Manakala perkhidmatan untuk OKU dewasa di bawah program CHILD Sabah Puzzle Prints for Art turut dilaksanakan secara dalam talian yang melibatkan aktiviti sosial melalui muzik dan aktiviti senaman (Gambar 1).



Gambar 1: Norma Baharu CHILD Sabah - Telehealth dan Pembelajaran atas talian
 Sumber: Facebook Rasmi CHILD Sabah

b) Aplikasi Facebook

Selain aplikasi ZOOM Meeting, PSK juga menggunakan platform lain seperti Facebook untuk menyediakan aktiviti. Facebook telah menjadi aplikasi yang penting dan kebanyakkan digunakan dalam masyarakat untuk berkongsi dengan keluarga, rakan-rakan dan umum secara maya (Harley, 2018). Oleh itu, PSK yang berdaftar dengan MPMS menggunakan aplikasi ini dan menyediakan program untuk mencapai sasaran. Program pencegahan adalah perlu dilaksanakan secara berterusan. Program-program ini akan dapat membantu masyarakat mendapatkan maklumat yang tepat. Oleh itu, banyak program seperti ceramah dilaksanakan menerusi Facebook dan sesiapa pun boleh mengikutinya. Seperti SOSHF, Persatuan ini telah menggunakan Facebook untuk mengadakan program-program ceramah secara maya. Begitu juga dengan Persatuan TASKA Sabah yang turut mengadakan aktiviti pertandingan secara maya (Gambar 2). Inisiatif ini diambil oleh ahli-ahli MPMS bagi menggalakkan kumpulan sasar masih mendapat perkhidmatan walaupun berada di rumah masing-masing. Selain itu, aktiviti ini juga dapat membantu klien untuk tetap aktif dan bersama dengan keluarga di rumah.




Sambutan Hari Taska & Hari Pengasuh 2021

Negeri Sabah was live.

30 October at 10:25 · 🌐

Pertandingan Secara Maya Mencipta Alat Permainan Dari Bahan Kitar Semula dan Tiktok Pengasuh Norma Baharu.



Gambar 2: Sambutan Hari Taska & Hari Pengasuh menerusi ZOOM
Sumber: Facebook Rasmi Persatuan Taska Sabah

c) Talian Sokongan Sosial

Selain itu, salah satu kaedah yang juga sering digunakan sepanjang tempoh pandemic COVID-19 ialah talian sokongan (Valunteer Canada, 2020). Menyedari kepentingan sokongan psikologi dan sosial adalah perlu, banyak NGO mengambil kaedah baru dalam membantu golongan sasaran menerusi panggilan telefon. Kebanyakan perkhidmatan ini disediakan secara percuma. Situasi ini berikutan kesedaran NGO untuk membendung masalah keganasan rumah tangga, penderaan kanak-kanak dan pengabaian. Laporan Harian Metro bertarikh 1 Disember 2021, sebanyak 1, 076 kanak-kanak didera. Keprihatinan terhadap isu ini, PSK yang berdaftar dengan MPMS turut mengambil kaedah ini sebagai satu langkah melindungi wanita dan kanak-kanak. SAWO turut menyediakan Talian Bantuan untuk membantu kanak-kanak dan Wanita yang terlibat dalam keganasan rumah tangga menerusi panggilan telefon (Gambar 3). Talian ini menjadi salah satu inisiatif Persatuan SAWO untuk tetap terus berhubung dengan kumpulan sasaran yang memerlukan perkhidmatan sepanjang tempoh pandemic COVID-19. Selain itu, SAWO juga mengadakan kempen Kesedaran yang dilaksanakan secara dalam talian. Antara fokus dalam Kempen Kesedaran SAWO adalah menggalakkan keterlibatan Wanita dalam pembangunan, kesedaran terhadap gangguan seksual dan kesihatan. Walaupun dalam Fasa Pemulihan, persatuan SAWO masih meneruskan aktiviti dan program mereka secara dalam talian. Situasi ini selaras dengan saranan UNICEF yang mahu aktiviti sukarelawan tetap aktif dan menyampaikan perkhidmatan mereka walaupun hanya di rumah masing-masing. Keadaan pandemic COVID-19 sememang tidak menghalang aktiviti sukarelawan dilaksanakan. Sebaliknya ahli-ahli kerja sukarelawan dapat mengadaptasi pelbagai

kaedah untuk memastikan klien dan kumpulan sasar mendapatkan perkhidmatan sepanjang Pandemik ini.



Gambar 3: Iklan Perkhidmatan atas Talian oleh SAWO
Sumber: Facebook Rasmi SAWO

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pandemik COVID-19 memberikan impak yang besar terhadap PSK dalam penyampaian perkhidmatan. PSK khususnya di Sabah mencuba cara dan kaedah yang baharu dan dapat diaplikasikan tanpa bersemuka dengan kumpulan sasar. Aktiviti PSK ini telah meringankan beban kumpulan sasar serta barisan hadapan dan membolehkan PSK mengadaptasi kaedah yang baru dan relevan digunapakai sepanjang berhadapan dengan pandemik. Mengadaptasi VV sebagai saluran pertolongan menunjukkan sukarelawan mudah dalam menyampaikan perkhidmatan tanpa perlu bersemuka dengan kumpulan sasar. Walaupun masih terdapat pelbagai kekangan yang dihadapi sama ada dari pihak sukarelawan mahupun kumpulan sasar, tetapi pihak sukarelawan masih berusaha untuk memastikan kumpulan sasar mendapat perkhidmatan yang sepatutnya. Kini, walaupun Malaysia sudah ke arah endemik, namun PSK masih menggunakan VV dalam melaksanakan mesyuarat, berhubung dengan kumpulan sasar dan untuk mengenal pasti keperluan kumpulan sasar. Situasi ini menunjukkan VV sudah mendapat tempat dan mudah dilaksanakan oleh PSK walaupun pandemik COVID-19 sudah berakhir. Keadaan ini juga menjadikan PSK lebih kreatif dan pada masa akan datang memerlukan teknologi yang lebih moden seperti penyediaan aplikasi tertentu dalam membantu komuniti. Teknologi amat memudahkan kerja sukarela jika sukarelawan dapat mengadaptasi VV.

Oleh itu, MPMS meneruskan usaha dalam membantu ahli-ahlinya dari segi pemberian dana yang diperlukan oleh setiap ahli. Selain itu, MPMS turut menyediakan kursus-

kursus yang bersesuaian untuk ahli-ahli mendapatkan ilmu pengetahuan tentang pengurusan Persatuan dan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar. Namun begitu, selaras dengan keperluan ahli-ahli MPMS, sudah tiba masanya PSK mengikuti lebih banyak kursus-kursus yang dapat membantu mereka untuk lebih mahir menggunakan pendigitalan dalam penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar. Kursus seperti ini mungkin dapat membantu ahli-ahli MPMS untuk lebih produktif dan mengikut peredaran masa sejajar dengan situasi menghadapi pandemik COVID-19 dan selepas pandemik ini. Walaupun pandemic telah berakhir namun usaha menggunakan VV masih diteruskan dan dapat memudahkan aktiviti kesukerelawanan dilaksanakan hingga kini.

Rujukan

- Azizan Bahari. (2018). *Sukarelawan*. Kuala Lumpur: Pustaka Qarya
- Azizan Bahari. (2007). *Becoming A Volunteer*. Kuala Lumpur: International Youth Centre Foundation.
- Erik, L. L. (2020). COVID-19 and its Impact on Volunteering: Moving Towards Virtual Volunteering. *Leisure Sciences 1-2*(43) Pages 104-110. From: <http://doi.org/10.1080/01490400.2020.1773990>.
- Fuze Ecoteer Outdoor Adventures. From: <http://www.coyotecomunications.com/vvwiki/definition.shtml>, Assessed 10 November 2021).
- Halina Sendera Mohd Yakin, Odetta Yahcob & Junaidah Januin. (2021). Fungsi dan Implikasi Pusat Internet Terhadap Masyarakat Luar Bandar di Sabah Dalam Era Pandemik COVID-19. *MANU 32*(1) 51-68. From: <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/MANU/article/view/3214/2131>
- Harley Azizee. (2018). *Penggunaan Facebook dan Jalinan Hubungan dengan Pembentukan Identiti*. Thesis. Universiti Utara Malaysia. From: [researchgate.net/publication](https://www.researchgate.net/publication/32142131)
- Jabatan Tanah dan Ukur Sabah, From: [https://jtu.sabah.gov.my/index.php/en/profile/administratin boundary](https://jtu.sabah.gov.my/index.php/en/profile/administratin%20boundary), Assessed 28 Februari 2022).
- Jayne, C. & Susan, E. J. (2014). *The Last Virtual Volunteering Guidebook: Fully Integrating Online Service Into Volunteer Involvement*. Energize, inc. from: books.google.com.my
- Labianca, J. (2020). 21 Virtual Volunteer Opportunities You Can Do From Home. From: <http://www.goodhousekeeping.com>
- Lawrence, H.Q.S. & Joeanne, L. (2004). Changing Needs: A Report on the Sabah Council of Social Services. (Dalam bab buku). Social Welfare: Commemorating 50 Years of Voluntary Welfare Services in Sabah.
- Liu, H.K., Harrison, Y. D., Lai, J. J. K., Chikoto, G. L. & Jones, K. (2016). Online and Virtual Volunteering. In Horton, D. H., Stebbins, R. A. & Grotz, J. (Eds.). *Palgave Handbook of Volunteering, Civic Participation and Nonprofit Association* (pp: 290-310). New York: Palgrave Macmillan
- Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah. Fungsi Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah From: <http://mpms.sabah.org.my/content/fungsi>, Assessed 10 November 2021)
- Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah. Majlis Tertinggi Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah From: <http://mpms.sabah.org.my/content/fungsi>, Assessed 10 November 2021)
- Meijs, C. P dan Brudney, J. (2014). Models of Volunteer Management: Professional Volunteer Program Management in Social Work. *Human Service Organizations Management 38*(3):297-309
- Mohd Alif Jasni, Norruzeyati Che Nasir, & Mohd Nazri. (2020). Strategi Komunikasi dengan Gelandangan Semasa Pandemik COVID-19: Pengalaman Sukarelawan Sepanjang Fasa Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia. *Forum Komunikasi 15*(1) 57-91. From: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/42139/>
- Mukherjee, D. (2011). Participation of Older Adults in Virtual Volunteering. A Qualitative Analysis. *Ageing International 36*(2) 253-266. From: <http://doi.org/10.1007/s1216-010-9088-6>.
- Mukherjee, D. (2010). An Exploratory Study of Older Adults Engagement with Virtual Volunteerism. *Journal of Technology in Human Services 28*(3) 188-196. From: <http://doi.org/10.1086/15228835.2010.508368>
- National Council of Social Services. (2021). Emerging Stronger Together: A Guide Beyond Covid-19.
- Stephanie, T. & Mahtani, K. R. (2020). Volunteering during the Covid-19 Pandemic: What are the Potential Benefits to People's Well Being? From: www.cebm.net
- Volunteer Canada. (2020). *Virtual volunteering* From: https://volunteer.ca/vdemo/ResearchAndResources_DOCS/Virtual%20Volunteering%20Mar2020.pdf